

**KAJIAN TERHADAP PEMULIHARAAN BATIK DAN
KEPENTINGANNYA PADA GENERASI MASA KINI**

NOORAZLINA NATASYA BINTI MOHD KAMARU HISAM

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP PEMULIHARAAN BATIK DAN
KEPENTINGANNYA PADA GENERASI MASA KINI**

DISEDIAKAN OLEH:

NOORAZLINA NATASYA BINTI MOHD KAMARU HISAM

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|----------------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawantankuasa Pengajian Siswazah. |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

NOORAZLINA NATASYA BINTI MOHD KAMARU HISAM

TARIKH : 22/2/2022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT dan TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurniaNya,dapat juga penyelidik menyiapkan tugas ini dengan sempurna walaupun menghadapi beberapa halangan dan cabaran. Terlebih dahulu penyelidik ingin merakam ucapan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Puan Nur Athmar Binti Hashim kerana telah banyak meluangkan masa dan memberi kerjasama serta bimbingan kepada saya untuk menyiapkan tugas ini dengan sempurna dan teratur sehingga selesai. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak institusi kajian ini iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa penyelidik yang telah banyak memberikan sokongan moral dan berkorban untuk saya dari segi tenaga, dorongan serta dari segi kewangan untuk memastikan kajian ini berjalan dengan lancar. Akhir sekali, Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada informan-informan yang memberi kerjasama tentang maklumat-maklumat kajian,tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang memberi percambahan idea secara langsung dan secara tidak langsung dalam proses menyiapkan kerja kursus ini. Semoga usaha ini dapat memberikan sumbangan kepada pertambahan maklumat dalam kajian ini, khususnya dalam bidang yang berkaitan.

Sekian sahaja daripada saya, Terima Kasih.

Noorazlina Natasya Binti Mohd Kamaru Hisam

C18A0207

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	III
ISI KANDUNGAN	V
ABSTRAK	VII
ABSTRACT	VII
1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 Pengenalan kajian	1
1.2 Kajian terdahulu	4
1.3 Latar belakang kajian	5
1.4 Objektif kajian	7
1.4.1 Untuk mengetahui jenis-jenis dari batik dan tekniknya	7
1.4.2 Untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik.	7
1.4.3 Untuk menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya	7
1.5 Persoalan kajian	7
1.5.1 Apakah jenis-jenis dan teknik yang digunakan dalam menghasilkan batik?	7

1.5.2	Bagaimanakah Kaedah yang digunakan dalam memelihara batik	7
1.5.3	Sejauhmanakah generasi pada masa kini mempunyai pengetahuan tentang batik dan kepentingannya	7
1.6	Permasalahan kajian	8
1.7	Lokasi kajian	9
1.8	Kepentingan kajian	11
1.9	Skop kajian	13
1.10	Struktur tesis	14
1.11	Rumusan bab	16

BAB 2 : SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BATIK DAN PENGLIBATAN GENERASI MUDA

2.1	Pengenalan	13
2.2	Sejarah dan perkembangan batik	18
2.2.1	Batik Blok	19
2.2.2	Batik Canting	20
2.2.3	Batik Skrin	21
2.2.4	Kuala Terengganu	21
2.2.5	Daerah Marang	22

2.2.6 Bukit Payung	23
2.2.6 Generasi Muda	23
2.2.7 Konsep Pemuliharaan	23
2.2.8 Bidang Konservasi	24
2.3 Kerangka Teori	25
2.4 Penutup	26
BAB 3: METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	27
3.2 Metodologi kajian	28
3.3 Teknik pengumpulan data	29
3.3.1 Data primer	29
3.3.1.1 Pemerhatian	30
3.3.1.2 Temu bual	32
3.3.1.3 Soal selidik	33
3.3.2 Data sekunder	36
3.3.2.1 Rujukan perpustakaan	36
3.4 Rumusan bab	38
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	39
4.2 Mengetahui jenis-jenis batik dan tekniknya	40

4.2.1 Jenis-jenis batik	40	
4.2.2 Teknik-teknik penghasilan batik	42	
4.3 Kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan batik	53	
4.3.1 Kaedah pemuliharaan batik	53	
4.4 Menganalisis tahap pengetahuan generasi muda masa kini terhadap batik dan kepentingannya	56	
4.5 Rumusan bab	63	
BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN	65	
5.1 Pengenalan	65	
5.2 Rumusan Kajian	65	
5.3 Cadangan Kajian	69	
5.3.1 Mengadakan pameran untuk memperkenalkan seni batik	69	
5.3.2 Mengadakan promosi dan pemasaran yang efektif	69	
5.4Penutup	70	
RUJUKAN	71	
<hr style="border: 1px solid orange;"/>		
SENARAI RAJAH	MUKA SURAT	
<hr style="border: 1px solid orange;"/>		
Rajah 1.1	Peta Negeri Terengganu	9
Rajah 1.2	Peta Daerah Marang	10

Rajah 1.3	Bukit Payung	11
Rajah 1.4	Gambar kilang Batik	12
Rajah 3.1	Carta alir metodologi kajian	28
Rajah 3.2	Kain batik dicop menggunakan lilin panas	32
Rajah 3.3	Kaedah pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji	32
Rajah 3.4	Survei yang dilakukan di kilang batik	32
Rajah 3.5	Contoh borang soal selidik	34
Rajah 3.6	Contoh borang soal selidik	35
Rajah 4.1	Batik canting	41
Rajah 4.2	Batik blok	42
Rajah 4.3	Batik skrin	42
Rajah 4.4	Melakar corak menggunakan pensil	43
Rajah 4.5	Tukang batik melakar corak flora menggunakan canting	43
Rajah 4.6	Sodium sillicate	44
Rajah 4.7:	Kain batik akan direbus dalam air campuran soda ash	45
Rajah 4.9	Kain batik dijemur	45
Rajah 4.10:	Blok tembaga berbentuk bunga	47
Rajah 4.11:	Proses memanaskan campuran lilin damar	47
Rajah 4.12:	Cara memblok batik	48
Rajah 4.13	Kain batik dicelup kedalam pewarna	48

Rajah 4.14	Kain batik direbus menggunakan campuran soda ash	49
Rajah 4.15	Tempat membasuh kain batik	50
Rajah 4.16	Kain batik dijemur	50
Rajah 4.17	Skrin akan ditekap diatas kain putih	51
Rajah 4.18	Proses pewarnaan diatas corak yang dilakar menggunakan sekuji	51
Rajah 4.19	Kain batik dibasuh	52
Rajah 4.20	Kain batik dijemur	52
Rajah 4.21	Kain batik dibasuh menggunakan tangan dengan pencuci lembut	54
Rajah 4.22	Kain batik dijemur dibawah suhu sederhana	55
Rajah 4.23	Kain batik akan disimpan ditempat yang kering	56
Rajah 4.24	Jantina	57
Rajah 4.25	Umur	58
Rajah 4.26	Bangsa	59
Rajah 4.27	Tahap pengetahuan mengenai lawatan ke industri batik	60
Rajah 4.28	Jenis-jenis batik	60
Rajah 4.29	Teknik penghasilan batik	61
Rajah 4.30	Kepentingan batik	62

KAJIAN TERHADAP PEMULIHARAAN BATIK DAN KEPENTINGANNYA PADA GENERASI MASA KINI

ABSTRAK

Bagi memenuhi keperluan sukatan tahun akhir bagi kursus pengajian warisan, suatu kajian telah dijalankan iaitu kajian berkenaan kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini. Bagi kajian ini, terdapat tiga objektif yang menjadi tujuan kajian ini dijalankan. Objektif yang pertama ialah untuk mengetahui jenis-jenis dari batik dan tekniknya melalui kaedah kajian lapangan yang dilakukan oleh pengkaji. Seterusnya, adalah untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik. Kaedah ini adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut antara kaedah-kaedah yang dapat memelihara batik daripada terus dilupakan. Dan akhir sekali ialah untuk menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik. Penyelidikan telah dibuat untuk mendapatkan pengetahuan generasi muda melalui kaedah borang soal selidik dan sebagainya. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini memudahkan pengkaji memperoleh maklumat dan data dengan lebih sah.

THE PRESERVATION OF BATIK AND ITS IMPORTANCE TO THE CURRENT GENERATION

ABSTRACT

To meet the final year syllabus for heritage studies, a research study was conducted which is a research on conservation of batik and its importance to the current generation. For this study, there are three objectives that are the purpose of this study. The first objective is to know the types of batik and its techniques. Through field research methods conducted by researchers. Next, is to study the methods used in the preservation of batik. This method is to find out more about the methods that can keep batik from being forgotten. And last but not least is to analyze the level of knowledge of today's generation on batik. Research has been done to obtain the knowledge of the younger generation through the method of questionnaires and so on. The methodology used in this study facilitates researchers to obtain information and data more authentically.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pengenalan

Berdasarkan kajian pada peringkat ijazah sarjana muda ini, tajuk yang telah difokuskan ialah kajian terhadap pemeliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini. Kajian ini melibatkan golongan dewasa yang berumur antara 18 hingga 30 tahun di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu tidak berminat untuk melibatkan diri dalam mengusahakan industri batik. Selain itu juga, kajian ini turut menerangkan mengenai masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan kajian, kurang pendedahan dan ilmu pengetahuan mengenai cara pemeliharaan Industri batik. Dalam kajian ini juga turut dinyatakan bahawa , pemeliharaan industri batik dianggap tidak penting oleh golongan dewasa. Pada bab pertama, Pengkaji telah membentangkan mengenai kajian terdahulu, latar belakang, objektif, persoalan, permasalahan kajian, lokasi kajian, kepentingan kajian serta skop kajian.

1.1.1 Pengenalan Kajian

Pada 2000 tahun lalu, Batik dipercayai telah wujud di Negara India serta Asia Tengah. Batik kali pertama telah dibawa masuk ke Negara Indonesia adalah dari Negara India dan dikatakan telah berkembang pada abad ke 11. Di Malaysia, batik adalah satu kraftangan yang paling popular dan mendapat tempat di hati pelancong dari seluruh pelusuk dunia. Batik telah diperkenalkan pada abad ke-15 masihi ketika zaman pemerintahan Parameswara di Melaka di Tanah Melayu.

Perkataan batik berasal dipercayai daripada negara Indonesia yang bermaksud pakaian yang terdapat titik-titik kecil dan juga ia dikatakan berasal daripada Jawa iaitu 'tririk' yang bermaksud sebuah proses menghasilkan kain batik. Batik juga adalah sejenis kain dibuat melalui proses terapan lilin dan proses celup warna. Penghasilan kain batik adalah menggunakan dua cara yang paling utama iaitu menerusi blok tangan dan melukis corak batik. Cara blok tangan dihasilkan dengan corak yang terpilih sahaja kemudian menampalkan di blok dan kemudiannya corak batik akan dicetak pada kain batik. Penghasilan batik ini dipanggil sebagai batik cetak dan ia kebanyakannya digunakan untuk menghasilkan batik di negara Indonesia. Manakala cara yang kedua adalah dengan melukis corak pada kain batik. Corak dihasilkan melalui proses canting dan untuk mendapatkan corak yang unik, ia memakan masa yang agak lama. Oleh hal demikian batik yang dihasilkan melalui proses canting agak mahal berbanding dengan batik yang dihasilkan melalui blok tangan. Kebiasaannya, batik canting banyak dihasilkan di Kuala Terengganu. Batik Malaysia kebanyakannya telah menggunakan corak yang bermotifkan bunga-bunga dan tidak menggunakan corak yang bermotifkan makhluk hidup seperti larangan ajaran agama Islam yang tidak membenarkan penggunaan corak tersebut pada hiasan atau pakaian.

Batik Malaysia merupakan seni tekstil Batik yang menjadi kebanggaan dalam negara Malaysia. Ia kebanyakannya berasal daripada negeri pantai timur iaitu Negeri Kelantan, Terengganu dan juga Pahang. Penghasilan batik Malaysia tidak dihasilkan menggunakan motif bunga-bunga berbanding benda-benda yang hidup kerana ia merupakan sebuah larangan dalam agama Islam. Namun, corak yang bermotifkan haiwan seperti kupu-kupu masih digunakan oleh batik di Terengganu. Terdapat dua jenis kategori batik yang pertama ialah batik blok dan juga batik

canting. Batik blok telah digunakan dalam penghasilan kain-kain sarung manakala batik canting pula, digunakan dalam proses penghasilan kain batik dari kain sutera. Pada mulanya blok batik ini telah dibuat dari kayu. Namun, mengikut perkembangan semasa blok batik ini dihasilkan dari besi dan tembaga mengikut motif corak yang tertentu. Di negeri Terengganu, kebanyakan pengusaha batik menggunakan corak dari daun dan bunga-bunga dalam batik blok dan cara menghasilkannya adalah melalui dua cara yang paling utama iaitu melalui blok tangan. Corak akan ditampilkan pada blok kemudiannya dicetak ke atas kain berdasarkan motif yang dipilih. Penghasilan jenis ini dipanggil sebagai batik cetak. Walau bagaimanapun, industri batik di sekitar Kuala Terengganu pada hari ini semakin dilupakan. Hal ini kerana bilangan pekerja yang kebanyakannya telah berusia Malahan, pengasas atau pembuat batik kini tiada kesinambungan daripada generasi muda sekarang. Hal ini adalah sangat penting untuk memelihara warisan industri batik di Malaysia untuk kita pameran kepada generasi akan datang kelak.

1.2 Kajian Terdahulu

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai perkaitan diantara kajian terdahulu dengan tajuk iaitu pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini terutama dalam industri batik. Melalui pengkajian dahulu ini, ia dapat dijadikan rujukan serta sebagai salah satu sumber yang sah untuk penyelidik menjalankan kajian. Seterusnya, tujuan kajian terdahulu juga adalah untuk memberi pengetahuan mengenai latar belakang kepada tajuk yang telah

dilakukan. Ia secara tidak langsung, dapat menjadi sumber pengetahuan kepada penyelidik dan dapat menjalankan kajian dengan lebih mudah dan lancar.

Seterusnya, pengkajian telah menggariskan beberapa kajian terdahulu mengenai industri batik. Kajian pertama ialah kajian yang mempunyai beberapa persamaan dengan tajuk yang telah dijalankan. Kajian tersebut adalah kajian yang dijalankan untuk mengetahui permasalahan dan pembangunan industri batik di Terengganu. Kajian ini telah mengenal pasti masalah yang telah dihadapi oleh pengusaha batik dalam pembangunan industri batik di Negeri Terengganu. Ia juga memberi tumpuan terhadap isu-isu mengenai kemampanan industri batik ini kepada generasi muda agar mengetahui batik sebagai warisan bernilai tinggi yang perlu dipelihara oleh masyarakat.

Seterusnya, teknik untuk menghasilkan batik. Menurut Azmi et.al (2009) Pada peringkat awal, batik dihasilkan tidak menggunakan lilin tetapi hanya menggunakan teknik ikat dan juga celup bagi menghasilkan batik “Pelangi”. Teknik ini adalah salah satu pengaruh daripada negara jepun, china dan juga India. Teknik penghasilan batik yang paling popular di Malaysia adalah batik canting, batik blok dan juga batik skrin. Setiap batik ini mempunyai teknik pembuatannya yang berbeza. Setiap pembuatannya akan melibatkan beberapa proses seperti melakar, memblok, mewarnai sehinggalah proses akhir. Oleh dengan itu, teknik pembuatan batik ini memerlukan seseorang yang mempunyai kemahiran dan tenaga kerja yang kreatif untuk menghasilkan satu produk batik yang berinovatif dan berkualiti setanding dengan produk tekstil yang lain.

Selain itu, kaedah untuk memelihara industri batik. Proses ini dilakukan bertujuan untuk memelihara sejarah warisan negara yang tidak ternilai ini supaya

dikenali oleh generasi terkini. Dalam kaedah ini, semua pihak haruslah memainkan peranan untuk mengelakkan industri batik ini terus tenggelam terutama pada zaman yang serba canggih dan moden ini. Oleh itu, ia memerlukan sokongan dari pelbagai pihak melibatkan kerajaan dan agensinya, badan bukan kerajaan dan pihak swasta dan masyarakat sendiri.

1.3 Latar Belakang Kajian

Menurut kamus Dewan Bahasa, perkataan batik terhasil daripada dua perkataan iaitu “amba” yang bermaksud menulis dan juga “dot” yang bermaksud titik. Sekitar tahun 1770 hingga 1800, batik dikatakan telah berkembang di Malaysia. (Robinson, 2001; Osman, 2002; Yunus, 2011; Oparinde, 2012; Saddhono et.al, 2014). Negara Malaysia cukup terkenal dengan kepelbagaian hasil kraf tangan, antaranya ialah industri batik. Batik terawal dalam Malaysia dipercayai datangnya dari negeri pantai timur iaitu Kelantan dan juga Terengganu. Kebanyakan pengusaha industri batik juga tinggal di kawasan luar Bandar. Teknik penghasilan batik yang terkenal diusahakan ialah batik lukis, batik skrin dan juga batik blok. Menurut Azmi et.al, 2009, Setiap jenis batik penghasilannya adalah berbeza daripada teknik yang digunakan namun, terdapat beberapa persamaan pada peringkat seperti proses ketika melukis, mewarna dan juga proses akhir bagi pembuatan batik. Teknik penghasilan kain batik ini memerlukan satu kemahiran dan kerja tangan yang kreatif bagi menghasilkan sebuah produk batik yang berkualiti tinggi serta setanding dengan produk-produk tekstil yang lain di Malaysia. Pendudukannya sebagai industri luar Bandar menyebabkan ia mampu memberi penduduk di sekitarnya dan secara tidak langsung, akan menjadi

penyumbang utama kepada pendapatan isi rumah. Daripada konsep 1 Malaysia, industri batik telah dinobatkan sebagai pakaian kebangsaan Negara Malaysia dan ianya dapat menjadikan kesatuan dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Selain daripada menjadi produk warisan, batik juga mampu menyumbang kepada aktiviti industri fesyen dan juga kebudayaan di negara ini. Perindustrian batik haruslah dijaga oleh masyarakat negara kita agar warisan yang bernilai ini akan menjadi kebanggaan generasi akan datang dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang telah dirumuskan dalam menjalankan kajian ini iaitu:

- 1.4.1 Untuk mengetahui jenis-jenis batik dan tekniknya.
- 1.4.2 Untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik.
- 1.4.3 Untuk menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji telah menyimpulkan beberapa persoalan kajian. Persoalan kajian ini diperolehi berdasarkan masalah kajian yang ingin diselesaikan datang?

- 1.5.1 Apakah jenis-jenis dan teknik yang digunakan dalam menghasilkan batik?

1.5.2 Bagaimanakah Kaedah yang digunakan dalam memelihara batik?

1.5.3 Sejauh manakah generasi pada masa kini mempunyai pengetahuan tentang batik dan kepentingannya.

1.6 Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa pernyataan masalah mengenai kajian ini setelah dikenal pasti. Antara pernyataan masalah yang pertama ialah golongan dewasa yang berumur antara 18 hingga 30 tahun di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu tidak berminat untuk melibatkan diri dalam mengusahakan industri batik. Kebanyakannya golongan dewasa ini tidak berminat untuk mengusahakan industri batik adalah kerana mereka lebih cenderung untuk bekerja di kilang-kilang di ibu negara. Mereka juga beranggapan bahawa bekerja dalam industri dan mereka juga akan pergi ke bandar-bandar besar atau utama bagi mencari pekerjaan seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan penempatan yang jauh dari tempat asal mereka. Begitu juga sesuai dengan peredaran masa, mereka lebih cenderung menghabiskan aktiviti dan masa dengan menggunakan teknologi canggih seperti telefon pintar, andary rimba dan sebagainya. Hal ini menyebabkan mereka kurang berminat melibatkan diri dengan industri batik dan hanya sebahagian kecil sahaja golongan ini yang melibatkan diri dalam industri batik. Seterusnya ialah Kurangnya ilmu pengetahuan mengenai cara pemeliharaan Industri batik. Walaupun Negeri Terengganu agak terkenal oleh pelancong luar mengenai keunikan batiknya namun, masyarakat di Sekitar Kuala Terengganu kurang pendedahan mengenai industri itu. Hal ini adalah kerana, mereka kurang diberi pendedahan mengenai cara pemeliharaan batik samada melalui pameran, andary dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung,

menyebabkan industri batik kini semakin dilupakan oleh masyarakat disekitarnya. Dan akhir sekali, pemeliharaan industri batik dianggap tidak penting oleh golongan dewasa. Hal ini adalah kerana mereka menganggap banyak sektor pekerjaan lain yang mampu meningkatkan ekonomi mereka. Hal ini adalah disebabkan oleh terdapat lebih banyak peluang pekerjaan di sekitar Kuala Terengganu untuk diceburi oleh mereka.

1.7 Lokasi Kajian




Rajah 1.1 : Peta negeri Terengganu

sumber: Pengenalan morfologi, MARCH 23, 2015

<https://dibahzattyintan1415.wordpress.com/2015/03/23/pengenalan-morfologi/>

Negeri Terengganu merupakan sebuah negeri dalam Negara Malaysia. Ia di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di bahagian utara dan barat lautnya, Terengganu bersempadan dan berjiran dengan Negeri Kelantan manakala pada bahagian selatan dan barat daya, ia berjiran dengan Negeri Pahang. Keluasannya dianggarkan 12,955 km. Negeri Terengganu terdapat 8 daerah iaitu Hulu

Terengganu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun, besut, setiu dan juga Kemaman. Bandar Kuala Terengganu terletak di daerah ini. Bandaraya Kuala Terengganu ini terletak berhampiran dengan muara sungai Terengganu, iaitu berhadapan dengan laut china selatan. Kuala Terengganu merupakan satu daerah yang mempunyai keluasan terkecil namun mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai di negeri ini. Kuala Terengganu telah diberikan status bandar raya dengan gelaran Bandaraya Warisan Pesisir Air pada 1 Januari 2008.




Rajah 1.2 : Bendera daerah Kuala Terengganu

Sumber: Ganupedia, Marang (daerah)

<https://ganupedia.com/2017/05/marang-daerah/>

Daerah Marang merupakan sebuah daerah yang terdapat di Negeri Terengganu. Daerah Marang ini telah diuruskan oleh (MDM) Majlis Daerah Marang. Pada tahun 1985, daerah Marang hanya terdapat 4 buah mukim sahaja iaitu Rusila, Merchang, Pulau Kerengga dan juga Jerung dengan memiliki penduduk seramai 54,996 orang. Namun pada tahun 1985, Daerah Marang telah menambah 2 buah mukim iaitu Mukim Bukit Payong dan juga Mukim Alur Limbat yang

sebelumnya terletak dibawah pentadbiran Daerah Kuala Terengganu. Daerah Marang berkeluasan 43.10km persegi dan mengandungi 13 buah kampung. Kawasan ini menjadi lokasi penyelidikan untuk menjalankan kajian di kawasan Marang, Terengganu ini kerana terdapat ramai penggiat pengusaha batik di kawasan tersebut serta untuk menyelidik mengapakah golongan dewasa di sekitarnya tidak melibatkan diri dalam industri batik.



Rajah 1.3: Bukit Payong

Sumber: Wikipedia, Bukit Payong

<http://www.mdmarang.gov.my/ms/masjid-bukit-payong>

Bukit payung adalah sebuah kampung yang terdapat di Daerah Marang. Nama kampung ini telah diambil daripada sebuah bukit yang tertinggi di kawasan ini dan terdapat sebatang pokok besar yang berbentuk seperti payung pada puncaknya. Oleh itu penduduk kampung telah bersetuju untuk menamakan kampung ini dengan nama Bukit Payong. Kampung ini dibuka pada tahun 1960, pada mulanya ia merupakan sebuah perkampungan yang sederhana dengan suasananya yang aman dan damai. Namun mengikut perkembangan semasa kampung ini telah mula berkembang terutamanya faktor ekonomi dan jumlah

penduduknya yang semakin ramai kampung Bukit Payong telah diangkat menjadi sebuah pekan di daerah Marang.



Rajah 1.4 : Menunjukkan kilang batik yang dikaji.

Sumber: Kajian Lapangan

Rosazlin Collection merupakan salah satu kilang batik yang terdapat di Bukit Payong Marang, Terengganu. Ia diusahakan oleh sepasang suami dan isteri yang berasal daripada kampung Giat Mara Bukit Payong. Kilang ini sudah lama diusahakan oleh pengusaha kilang batik ini sekitar tahun 2000 lagi. Rosazlin collection ini banyak berfokus kepada penghasilan batik blok sebagai salah satu batik yang paling laris dijual oleh mereka.

1.8 Kepentingan Kajian

Pengkajian yang dijalankan adalah untuk memenuhi beberapa kepentingan mengenai kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini terhadap industri batik di Sekitar Bukit Payong Marang, Kuala Terengganu. Pengkajian ini dijalankan adalah untuk memberi kesedaran kepada

golongan mereka bahawa industri batik haruslah dipelihara dan dijaga sebaik mungkin kerana ia merupakan salah satu khazanah warisan tradisional yang telah ditinggalkan. Selain itu, pengkajian ini juga penting untuk memberi pendedahan terhadap masyarakat terutamanya generasi akan datang mengenai cara-cara untuk memelihara atau menjaga industri batik di sekitar Bukit Payong Marang supaya Industri batik ini terus berkembang dan tidak dilupakan dari zaman ke zaman. Seterusnya, Pengkajian ini secara tidak langsung, menunjukkan betapa pentingnya golongan dewasa ini terlibat dalam kegiatan batik. Hal ini kerana, pengusaha industri batik semakin meningkat usia, dan kudratnya juga adalah terhad. Ia menunjukkan betapa pentingnya generasi mereka untuk meneruskan legasi yang telah ditinggalkan agar industri batik ini tidak dilupakan oleh generasi akan datang.

1.9 Skop Kajian

Dalam skop kajian, pengkaji telah menjalankan kajian di sekitar kawasan Bukit Payong Marang, Terengganu sahaja. Hal ini adalah kerana, pengkajian yang akan dijalankan adalah kajian lapangan yang melibatkan tinjauan terhadap kajian pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini industri batik di Bukit Payong Marang. Industri batik banyak terdapat di kawasan tersebut. Fokus pengkajian yang dijalankan adalah mengenai apakah jenis-jenis dan teknik yang digunakan dalam menghasilkan batik di Bukit Payong Marang, Terengganu. Selain itu, bagaimanakah kaedah yang digunakan dalam memelihara batik juga diambil kira. Dan akhir sekali ialah, sejauh manakah generasi pada masa kini mempunyai pengetahuan tentang batik dan kepentingannya. Kepentingan pengkajian ini adalah untuk menjaga atau memelihara industri batik yang ada di Bukit Payong Marang.

Hal ini kerana dapat dilihat industri batik ini mampu memberi banyak manfaat kepada negeri dan negara terutamanya dalam sektor ekonomi.

1.10 Struktur Tesis

Bab 1 Pengenalan

Pada bab 1 ini menerangkan mengenai struktur penyelidikan yang akan dijalankan. Bab ini memberi fokus terhadap pengkajian mengenai kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini batik di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan mengenai lokasi yang telah dipilih untuk sebelum kajian secara terperinci akan dijalankan. Melalui kajian yang dijalankan oleh penyelidik kajian terdahulu, isi, masalah dan kepentingan kajian turut dibincangkan bagi memperoleh tujuan sebenar kajian ini dijalankan. Metod-Metod yang ringkas juga turut dinyatakan dalam bab ini bagi menunjukkan proses perjalanan gerak kerja dalam penyelidikan ini dan skop kajian dinyatakan sebagai panduan kepada penyelidik supaya kajian yang dijalankan adalah dalam ruang lingkup penyelidikan.

Bab 2 Kajian-Kajian Lepas

Bab ini akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai sejarah industri batik di Malaysia dan di Marang, Terengganu. Dalam bab ini juga turut memberikan tumpuan terhadap lokasi kegiatan industri batik di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu melalui kajian penyelidikan yang terdahulu. Ini adalah kerana untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci mengenai industri batik yang bergiat di sekitar Bukit Payong Marang. Selain itu, bab ini juga akan membantu penyelidik untuk mengenal dengan lebih mendalam cara-cara

untuk membuat batik, jenis-jenis dari batik dari tekniknya serta mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik. Seterusnya, bab ini juga akan membantu penyelidik untuk menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik dan kepentingan industri batik di sekitar Bukit Payong, Terengganu pada masa akan datang.

Bab 3 Metodologi Kajian

Bab 3 ini akan menerangkan mengenai kaedah-kaedah secara saintifik yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Metodologi kajian ini melibatkan beberapa peringkat iaitu peringkat sebelum kajian dijalankan, semasa kajian dijalankan dan selepas kajian ini dijalankan. Namun dalam kajian ini ada empat proses yang utama bagi mendapatkan penyelidikan yang lengkap dan sempurna yang pertama ialah kajian lapangan, kaedah pemerhatian, kaedah temubual dan juga kajian perpustakaan. Ia merupakan proses pengambilan data dan maklumat mengenai industri batik serta kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa di sekitar Marang, Kuala Terengganu. Data dan maklumat yang diambil juga akan menyokong persoalan masalah dan kepentingannya dalam penyelidikan yang dijalankan.

Bab 4 Dapatan Kajian

Pada bab 4 ini akan menerangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan berdasarkan objektif kajian menggunakan kaedah pemerhatian iaitu untuk mengetahui jenis-jenis batik dan tekniknya. Bagi objektif yang kedua pula, pengkaji telah mengkaji beberapa kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan batik di sekitar Bukit Payong, Marang, Terengganu yang melibatkan golongan dewasa yang berumur 18 – 30 tahun Dan objektif yang terakhir pula, Pengkaji telah

menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah pemerhatian, temu bual dan juga borang soal selidik melalui google form dan dijawab oleh golongan dewasa yang berumur antara 18 – 30 tahun melalui aplikasi Whatsapp bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka mengenai industri batik serta kepentingannya kepada generasi masa kini.

Bab 5 kesimpulan dan Cadangan

Pada bab ini pengkaji akan menghuraikan rumusan kajian secara keseluruhan dan menunjukkan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan pada kemudian hari berhubung dengan hasil kajian. Kajian ini memfokuskan mengenai kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini.

1.11 Rumusan Bab

Kesimpulannya, batik merupakan salah satu warisan tradisi yang harus dimartabatkan oleh negara kita agar tidak hilang ditelan zaman. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan dalam mengekalkan warisan ini secara turun temurun dan warisan tradisi ini terpelihara pada masa hadapan agar generasi muda akan menghayati dan berbangga dengan khazanah negara kita.

BAB 2

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BATIK

2.1 Pengenalan

Pada bab ini menerangkan mengenai hasil literasi yang dilakukan oleh pengkaji dalam menghasilkan projek penyelidikan ini mengenai industri batik di sekitar Bukit Payong, Marang. Kajian-kajian ini telah memberi fokus terhadap kajian lepas dan akan dianalisis secara menyeluruh bagi mengetahui kajian yang dilakukan berdasarkan teori dan metodologi yang sesuai digunakan oleh kajian ini. Melalui kajian literasi ini ia dapat memberikan maklumat untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji untuk melakukan penyelidikan ini. Secara tidak langsung akan menghubungkan antara kajian lepas dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji saling berkaitan antara satu sama lain.

Dalam penyediaan kajian maka pengkaji haruslah memastikan kajian yang dilakukan ini berkaitan serta mempunyai gambaran yang menyeluruh. Oleh itu, pengkaji telah memilih kajian jenis-jenis dari batik dan tekniknya. Selain itu juga untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik. Serta untuk menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya.

2.2. Sejarah dan perkembangan batik

Menurut kamus dewan Bahasa, batik terhasil daripada dua perkataan iaitu amba yang bermaksud menulis dan juga dot yang bermaksud titik. Pada sekitar

tahun 1770 hingga 1800 batik telah mula berkembang di Malaysia (Robinson, 2001; Osman, 2002; Yunus, 2011; Oparinde, 2012; Saddhono et.al, 2014). Pada akhir tahun 2004 di Malaysia, Batik merupakan satu kraftangan yang paling popular dan digemari di negara Malaysia. Menurut kajian pada abad ke-15 masihi, Batik diperkenalkan ketika pemerintahan Parameswara. Batik juga adalah sejenis kain yang dihasilkan melalui satu proses yang diberi nama terapan lilin dan proses celup warna. Penghasilan kain batik adalah menggunakan dua cara yang paling utama iaitu menerusi blok tangan dan melukis corak batik. Cara blok tangan dihasilkan dengan corak yang terpilih sahaja akan ditampalkan pada blok dan kemudiannya corak batik akan dicetak ke atas kain batik. Ia juga telah menggunakan corak yang bermotifkan flora dan tidak menggunakan corak yang bermotifkan makhluk hidup seperti haiwan dan juga manusia. Namun motif bercorak rama-rama masih digunakan.(Azmi et.al, 2009)

Batik Malaysia kebanyakannya datang daripada Pantai Timur semenanjung Malaysia iaitu negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ia merupakan seni tekstil di Negara Malaysia yang terkenal lagi-lagi ia merupakan lambang warisan tradisi di Malaysia. Batik Malaysia dihasilkan dengan menggunakan corak yang bermotifkan flora dan biasanya jarang menggunakan motif seperti haiwan dan manusia sejajar dalam agama Islam yang melarang untuk menggunakan imej benda hidup sebagai corak pada pakaian. Namun, corak bermotifkan kupu-kupu masih lagi diguna pakai dalam corak pada kain batik. Bagi Negeri yang bernama Terengganu ini merupakan sebuah negeri yang tidak asing lagi dalam industri batik kerana ia merupakan salah satu pengeluar batik yang berkualiti tinggi di Malaysia Selain Negeri Kelantan. Kategori batik di Negeri Terengganu terdapat dua buah kategori iaitu batik blok dan juga batik canting. Cara blok tangan dihasilkan dengan

corak yang terpilih sahaja dilekatkan pada blok dan kemudiannya corak batik dicetak ke atas kain batik. Pada mulanya, blok batik dihasilkan menggunakan kayu sebelum mengalami perkembangan mengikut faktor semasa dimana kini, ia dihasilkan menggunakan besi atau tembaga. Motif daun dan bunga kebiasaannya banyak dihasilkan oleh batik blok. Batik dihasilkan oleh dua cara yang paling utama iaitu melalui blok tangan, corak akan tampalkan pada blok dan corak batik sebelum kemudiannya ia dicetak ke atas kain. Penghasilan jenis ini dipanggil batik cetak. walau bagaimanapun, industri batik di sekitar Kuala Terengganu pada hari ini semakin dilupakan. Hal ini kerana bilangan pekerja yang kebanyakannya telah berusia Malahan, pengasas atau pembuat batik kini tiada kesinambungan daripada generasi muda sekarang. Hal ini adalah sangat penting untuk memelihara warisan industri batik di Malaysia untuk kita pameran kepada generasi akan datang kelak.

2.2.1 Batik Blok

Batik blok merupakan satu teknik untuk menghasilkan corak batik menggunakan blok. ia lebih dikenali sebagai batik terap ataupun batik cap di Negeri Pantai Timur. Batik Blok adalah kain putih yang akan diterap menggunakan blok corak yang diperbuat daripada tembaga, kayu dan juga logam. Proses memblok ini akan dilakukan berulang-ulang dengan teliti dan kemas mengikut susunan sehinggalah ia selesai. Campuran lilin damar akan dipanaskan di dalam periuk leper sehingga cair dan permukaan blok pula, dicelupkan ke dalam lilin cair. Kain putih yang dicelup warna akan dijemur sehingga betul-betul kering. Kemudian kain batik yang siap diblok akan direbus dengan menggunakan air yang bercampur bahan soda ash untuk menanggalkan kesan-kesan lilin serta lebihan bahan pewarna pada kain yang sudah siap diterap lilin. Seterusnya, kain batik akan dicelupkan ke dalam bahan pewarna. Proses menerap dan mencelup warna ini dilakukan berulang kali

dengan menggunakan blok dan pewarna berbeza untuk menghasilkan kain batik yang pelbagai warna dan corak. Blok corak itu akan dicelupkan terlebih dahulu ke dalam pewarna sebelum ditekapkan di atas kain putih tersebut (<https://kbait09.wordpress.com>)

2.2.2 Batik canting

Batik bertulis atau dikenali dengan batik canting merupakan bidang kraftangan yang paling popular di negara Malaysia terutama di negeri Terengganu, Kelantan dan juga Pahang. Kain batik diperbuat dari pelbagai jenis kain seperti kain sutera, kapas, royan dan juga kapas. Corak batik diambil daripada motif tumbuh-tumbuhan dan corak geometri mengikut permintaan semasa oleh pelanggan. Penggunaan warna yang segar dan eksklusif adalah dihasilkan melalui lakaran bebas. Canting akan diisi dengan lilin panas kemudian corak dilakar melalui hujung saluran ke atas kain putih yang telah diregangkan mengikut corak yang dilukis. Kain putih yang siap dicanting akan dicelupkan dengan pewarna. Kemudian kain tersebut akan dikeringkan, dimatikan warna dan direbus bagi mengeluarkan bekasan lilin sebelum dikeringkan untuk kali kedua (<https://kbait09.wordpress>)

2.2.3 Batik Skrin

Batik skrin merupakan salah satu corak batik dibentuk atas skrin yang diperbuat daripada kain polyester. Skrin akan dilekapkan pada atas kain putih, proses pewarnaan adalah dengan menepak warna pada skrin menggunakan sekuji. Kaedah ini akan diulang beberapa kali dengan menggunakan corak yang berlainan untuk mendapatkan corak batik yang berkualiti. Hal ini adalah disebabkan penggunaan satu skrin untuk satu warna. Batik skin ini begitu popular dikalangan kaum wanita tempatan. Teknik cetakan skrin ini banyak menghasilkan Kain batik

sarung. Selain dijadikan pakaian, kain batik skrin juga menghasilkan aksesori wanita, beg dan juga topi. Motif dan corak pula diambil daripada tumbuh-tumbuhan dan binatang seperti bunga dan rama-rama.

(<https://hafizulasyrafblack.wordpress.com/teknik-batik-skrin/>)

2.2.4 Kuala Terengganu

Negeri Terengganu merupakan sebuah negeri dalam Negara Malaysia. Ia di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di bahagian utara dan barat lautnya, Terengganu bersempadan dan berjiran dengan Negeri Kelantan manakala pada bahagian selatan dan barat daya, ia berjiran dengan Negeri Pahang. Keluasannya dianggarkan 12,955 km. Negeri Terengganu terdapat 8 daerah iaitu Hulu Terengganu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun, besut, setiu dan juga Kemaman. Bandar Kuala Terengganu terletak di daerah ini. Bandaraya Kuala Terengganu ini terletak berhampiran dengan muara sungai Terengganu, iaitu berhadapan dengan laut china selatan. Kuala Terengganu merupakan satu daerah yang mempunyai keluasan terkecil namun mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai di negeri ini. Kuala Terengganu telah diberikan status bandar raya dengan gelaran Bandaraya Warisan Pesisir Air pada 1 Januari 2008.

2.2.5 Daerah Marang

. Daerah Marang merupakan sebuah daerah yang terdapat di Negeri Terengganu. Daerah Marang ini telah diuruskan oleh (MDM) Majlis Daerah Marang. Pada tahun 1985, daerah Marang hanya terdapat 4 buah mukim sahaja iaitu Rusila, Merchang, Pulau Kerengga dan juga Jerung dengan memiliki penduduk seramai 54,996 orang. Namun pada tahun 1985, Daerah Marang telah menambah 2 buah mukim iaitu Mukim Bukit Payong dan juga Mukim Alur Limbat yang

sebelumnya terletak dibawah pentadbiran Daerah Kuala Terengganu. Daerah Marang berkeluasan 43.10km persegi dan mengandungi 13 buah kampung. Kawasan ini menjadi lokasi penyelidikan untuk menjalankan kajian di kawasan Marang, Terengganu ini kerana terdapat ramai penggiat pengusaha batik di kawasan tersebut serta untuk menyelidik mengapakah golongan dewasa di sekitarnya tidak melibatkan diri dalam industri batik.

2.2.6 Bukit Payong

Bukit payung adalah sebuah kampung yang terdapat di Daerah Marang. Nama kampung ini telah diambil daripada sebuah bukit yang tertinggi di kawasan ini dan terdapat sebatang pokok besar yang berbentuk seperti payung pada puncaknya. Oleh itu penduduk kampung telah bersetuju untuk menamakan kampung ini dengan nama Bukit Payung. Kampung ini dibuka pada tahun 1960, pada mulanya ia merupakan sebuah perkampungan yang sederhana dengan suasananya yang aman dan damai. Namun mengikut perkembangan semasa kampung ini telah mula berkembang terutamanya faktor ekonomi dan jumlah penduduknya yang semakin ramai kampung Bukit Payung telah diangkat menjadi sebuah pekan di daerah Marang.

2.2.7 Generasi Muda

Generasi muda membawa maksud golongan muda, pemuda oleh golongan masyarakat. Ia juga telah membawa maksud generasi bagi penerus bangsa yang nantinya akan menjadi pemegang nasib bangsa bagi sesebuah negara. Oleh itu, generasi muda lah yang menentukan cita-cita bangsa dan negara Malaysia. Generasi muda dalam kajian ini melibatkan generasi muda yang berumur antara 18 hingga

30 tahun di sekitar Marang .(<https://www.scribd.com/doc/154262811/Pengertian-Generasi-Muda>)

2.2.8 Konsep Pemuliharaan

Pemuliharaan adalah bermaksud usaha untuk memulihara dan memelihara alam semulajadi dengan baik dan bijak. Pemuliharaan adalah proses untuk menjaga dan mengawasi warisan bersejarah yang ada daripada dimusnahkan tanpa menggunakan kaedah yang betul. Menurut Mohammad Shawali Badi (2000), pemuliharaan ialah kerja-kerja penjagaan atau pengawasan sesebuah tapak atau monumen untuk mengelakkan kerosakkan melalui kaedah saintifik dengan penggunaan prosedur tertentu. Menurut Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012) juga, terdapat pelbagai teknik, kaedah, metodologi dengan pelbagai prosedur, proses atau aplikasi diperkenalkan. Namun ia mempunyai matlamat yang sama iaitu seperti merawat, memelihara, melindungi dan mengembalikan warisan sejarah dan kebudayaan di Negara Malaysia. Konsep pemuliharaan ini boleh difahami dengan lebih terperinci melalui kaedah konservasi yang diaplikasikan (<http://ejournals.ukm.my/jmelayu/article/download/5056/2594>).

2.2.9 Bidang Konservasi

Konservasi adalah membawa maksud pemuliharaan. Konservasi pembangunan warisan adalah satu istilah umum yang merujuk kepada aktiviti pemuliharaan ke atas bangunan, monumen dan tapak. Ia merangkumi beberapa aktiviti lain seperti seperti proses pemeliharaan, pemugaran, pembaikpulihan, pembinaan semula. Ia disebut “pemuliharaan” yang telah menggabungkan tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan. ICOMOS (Burra Charter Article 1.4, 1999) Pemuliharaan adalah satu proses pemuliharaan satu tempat supaya warisan dan

kebudayaan dapat dikekalkan. Dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645) "pemeliharaan" adalah termasuk dengan pembaikpulihan, pemeliharaan, pembinaan semula, pemuliharaan dan perkataan yang seerti dengannya. "Pemeliharaan" di bawah Akta 645 ini bertujuan untuk mencegah kerosakan daripada berterusan, reput atau keadaan usang kepada monumen, bangunan dan tapak. Antara tujuan Konservasi ini dijalankan adalah untuk tujuan mengekalkan dan menjaga nilai warisan dan nilai sejarah sesuatu bangunan, monumen dan tapak.

2.3 Kerangka Teori

2.3.1 Preservasi

Asas bagi kerangka teori yang dipilih dan digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan beberapa pendekatan yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji telah menggunakan teori preservasi. Preservasi merupakan satu tindakan perlindungan terhadap benda-benda tradisi mahupun budaya yang mempunyai nilai-nilai sejarah melalui kegiatan mahupun sesebuah perilaku yang dapat mengurangkan kerosakan. Ia merupakan aktiviti atau proses untuk menjaga sesuatu yang bernilai itu agar kekal hidup dan utuh atau bebas daripada kerosakkan. Teori preservasi ini berkait rapat dengan kajian ini yang melibatkan proses memelihara, tindakan atau langkah yang dilakukan untuk mengekalkan sesuatu daripada rosak, tidak boleh digunakan atau dilupakan.

2.4 Rumusan Bab

Kesimpulannya, hasil daripada kajian literasi, penyelidik dapat membentangkan bahan-bahan mahupun sebarang penyelidikan yang telah dijalankan oleh kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk. Kajian-kajian lepas memainkan peranan yang penting untuk penyelidik mendapatkan data dengan lebih sahih dan terperinci. Melalui analisis yang dilakukan secara tidak langsung, pengkaji dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan oleh kajian seperti kajian terhadap jenis-jenis dari batik dan tekniknya. Selain itu juga untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik. Dan akhir sekali, untuk menganalisis tahap pengetahuan terhadap batik dan kepentingannya oleh generasi pada hari ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Bab metodologi kajian akan menerangkan sesuatu kaedah secara saintifik yang telah digunakan dalam penyelidikan ini. Dalam penyelidikan ini, proses utama bagi mendapatkan penyelidikan yang lengkap dan sempurna yang pertama ialah kaedah kajian yang terbahagi kepada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Manakala teknik pengumpulan data ialah kajian lapangan kajian perpustakaan dan borang soal selidik. Ia merupakan proses pengambilan data dan maklumat penyelidikan yang lengkap dan sempurna mengenai industri batik serta penglibatan golongan remaja dalam industri batik di sekitar Bukit Payong, Marang. Data dan maklumat yang diambil juga akan menyokong Persoalan masalah dan kepentingannya dalam penyelidikan yang dijalankan.

Terdapat dua jenis kaedah dalam membuat reka bentuk kajian. Kaedah yang pertama ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah ini merangkumi pengumpulan data melalui kaedah temubual, pemerhatian dan juga survei. Manakala kaedah yang kedua iaitu kaedah kuantitatif. Kaedah ini dilakukan melalui borang soal selidik dalam pengumpulan data, Pemerhatian serta kajian lapangan.

Pengkaji juga telah menghasilkan carta alir. Tujuan carta alir ini dibentangkan adalah untuk menerangkan proses-proses mengenai kajian ini. Melalui kerja-kerja yang telah dijalankan sepanjang menghasilkan kajian ini agar lebih teratur serta mengikut prosedur yang tepat atau betul. Dengan adanya carta alir ini, pengkaji akan mendapat maklumat serta data yang berkaitan seterusnya menggunakannya untuk menjawab permasalahan kajian

3.2 Metodologi Kajian



Rajah 3.1 : Carta alir metodologi kajian

Terdapat dua kaedah metodologi yang dalam kajian ini iaitu iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif adalah bermaksud penyelidikan yang tertumpu mengenai objektif kajian mengenai pengumpulan dan analisis data sesuatu penyelidikan yang melibatkan pemboleh ubah kajian. Penggunaan ujian statistik ini terhadap sesuatu kajian adalah untuk menerangkan atau menjelaskan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam suatu penyelidikan yang dijalankan. Manakala maksud kuantitatif pula ialah Penyelidikan tinjauan. Penyelidikan tinjauan bertujuan untuk mengumpul

maklumat dengan menanyakan beberapa soalan kepada kelompok individu yang telah dipilih dari satu populasi yang ingin dikaji. Ia juga digunakan untuk mendapatkan pandangan, sikap, tingkah laku orang awam secara meluas dan melibatkan melibatkan pengumpulan maklumat daripada responden. Kaedah-kaedah soal selidik secara langsung adalah menggunakan bantuan elektronik seperti temu bual melalui telefon dan lain lain untuk mengumpul data. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat untuk membantu penyelidik dalam kajian yang dijalankan. Hal Ini penting supaya maklumat yang dihasilkan melalui sampel yang kecil boleh dijadikan kenyataan dan gambaran umum tentang populasi yang dikaji oleh penyelidik.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

3.3.1 Data Primer

Sumber primer membawa maksud penemuan baru atau penyelidikan asli yang boleh diterbitkan atau tidak boleh diterbitkan. Ia merupakan salah satu maklumat asal kepada sesuatu. Selain itu, sumber primer juga merupakan bahan yang belum diolah atau dicetak iaitu sumber atau bahan yang masih dalam keadaan asal seperti keterangan lisan, batu bersurat, surat rasmi kerajaan, kertas ataupun fosil. Sumber-sumber tersebut adalah bersifat asli dan belum ditafsir sepenuhnya. Ciri-ciri dalam sumber primer merupakan penemuan dan ilmu pengetahuan baru Ciri-ciri yang terdapat di dalam sumber primer, ialah merupakan penemuan baru atau ilmu pengetahuan baru serta memberi pembaharuan yang berbeza kepada ilmu

pengetahuan yang terdahulu. Sumber-sumber yang telah diperolehi ini ada yang diterbitkan dan ada juga tidak diterbitkan. Sebagai contoh, sumber primer yang diterbitkan ialah terbitan jurnal, laporan penyelidikan penerbitan kerajaan atau penerbitan rasmi, tesis jika diterbitkan sebagai artikel atau buku, prosiding konferens. Sumber-sumber yang tidak diterbitkan pula termasuk kertas kerja dari seminar, konvensyen, persidangan, simposium, bengkel, kolokium, perbincangan, kongres dan sebagainya. Fail syarikat, fail peribadi, surat menyurat, diari, memo, buku nota makmal, temu ramah, rakaman radio, lukisan, pemerhatian, laporan penyelidikan dan latihan ilmiah juga merupakan salah satu sumber primer yang tidak diterbitkan.

3.3.1.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ini terbahagia kepada dua bahagian iaitu pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan. Kaedah pemerhatian secara terus adalah merekod data secara langsung di tempat kajian lapangan. Ia tidak memerlukan komunikasi yang banyak dalam proses merekod data. Manakala bagi kaedah penglibatan ia memerlukan pengkaji pergi dalam sesuatu kelompok masyarakat bagi mendapatkan data mengenai sesuatu kajian. Bagi memperoleh data bagi kajian ini, pengkaji telah membuat lawatan di lokasi yang dikaji dengan menggunakan kaedah secara terus dan juga pemerhatian secara penglibatan.

Pengkaji telah mengunjungi kilang pembuatan batik di Bukit Payong, Marang untuk melihat sendiri proses pembuatan batik dari awal penghasilan sehingga ke proses akhir iaitu menjemur kain batik yang telah siap dicelup

ke dalam lilin. Kaedah tersebut merupakan kaedah yang secara terus. Secara tidak langsung, pengkaji dapat mengumpul dan merekod data hasil daripada pemerhatian tersebut. Ia dapat membantu pengkaji untuk melakukan kajian ini dengan lebih mudah dan teratur dengan memperoleh data-data dan maklumat lain bagi menyokong penyelidikan yang dijalankan.

Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah pemerhatian secara penglibatan. Pengkaji telah mengunjungi Kilang pembuatan batik di Bukit Payong, Marang dan meminta kebenaran untuk terlibat dalam melakukan proses pembuatan batik. Sebagai contoh menepak corak pada kain batik. Melalui pengalaman ini, pengkaji akan merasai sendiri proses untuk menghasilkan batik. Konsep pemerhatian seperti ini amatlah penting untuk membantu pengkaji merasai sendiri pengalaman serta memahami secara jelas proses pembuatan batik ini sepanjang kajian dijalankan.



Rajah 3.2: Kain batik dicop menggunakan lilin panas



Rajah 3.3: Kaedah pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 3.4: Survei yang dilakukan di Rosazlin Collection

Sumber Kajian Lapangan

3.3.1.2 Kaedah Temubual

Kaedah temubual adalah kaedah yang digunakan melibatkan antara dua pihak yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau data yang sah. Ia melibatkan interaksi antara penemubual dengan responden yang bertujuan untuk memperoleh maklumat dari responden secara lisan. Kaedah ini bersifat reflektif dan dapat memberi gambaran yang sebenar mengenai sesuatu fenomena (Denzin, 2001). Berdasarkan kaedah temu bual, kita dapat memperoleh maklumat berkaitan latar belakang, ciri-ciri serta maklumat-

maklumat lain yang diperlukan. Melalui kaedah ini juga, responden dapat menjelaskan sesuatu cerita dan peristiwa dan hasilnya dapat digunakan untuk kajian seterusnya, Dalam kajian ini pengkaji telah membuat temu janji bersama dengan pemilik kilang batik Rosazlin Collection bagi mendapatkan maklumat yang jelas mengenai mengenai jenis-jenis, teknik pembuatannya dan kaedah pemuliharaan yang dilakukan.

Pengkaji telah mengunjungi Kilang pembuatan batik Rosazlin Collection itu sendiri pada 28 ogos 2021 dan menemu bual pemiliknya secara langsung mengenai jenis-jenis batik yang dihasilkan, kaedah dan teknik pembuatan serta cara pemeliharanya. disitu juga pengkaji telah melihat secara langsung jenis-jenis batik yang terdapat pada kilang batik berkenaan. Pengkaji juga telah menyediakan beberapa soalan yang ringkas ketika sesi temubual tersebut berdasarkan objektif yang dinyatakan sebelum ini.

3.3.1.3 Soal Selidik

Soal selidik ini dilakukan bagi mendapatkan pandangan daripada generasi muda di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu mengenai pemuliharaan industri batik untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka. Soal selidik ini terbatas kepada generasi muda di dalam lingkungan 18-30 tahun di Bukit Payong, Marang sahaja. Borang soal selidik ini mengandungi 10 soalan yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pada bahagian A ialah demografi responden seperti jantina, umur dan juga bangsa. Pada bahagian B ialah pengetahuan mengenai industri batik di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu. Dan bahagian C pula, pandangan mengenai

pemuliharaan industri batik di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu. Tujuan borang ini diedarkan untuk mendapatkan respon yang pelbagai daripada setiap responden untuk memudahkan pengkaji melakukan perbandingan yang mana akan melibatkan angka dan peratusan dalam kajian ini. Borang soal selidik ini telah diedarkan secara atas talian melalui aplikasi Whatsapp.

BORANG SOAL SELIDIK
KAJIAN TERHADAP PEMULIHARAAN BATIK DAN KEPENTINGANNYA PADA
GENERASI MAHA KINI

Borang soal selidik ini diedarkan untuk tujuan mendapatkan respon daripada generasi muda mengenai tahap pengetahuan dan kepentingan pemuliharaan batik pada generasi kini.

BAHAGIAN A: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN

Sila tandakan (✓) pada ruangan yang disediakan

1) Jantina

Lelaki Perempuan

2) Umur

18 - 20 tahun 20 - 25 tahun

25 - 30

3) Bangsa

Melayu Cina

India Lain-lain

BAHAGIAN B: PENGETAHUAN MENGENAI INDUSTRI BATIK DI SEKITAR BUKIT PAYUNG MARANG, TERENGGANU.

Arahan: Sila tandakan (✓) pada kotak yang disediakan sama ada YA atau TIDAK.

BIL.	PENYATAAN	YA	TIDAK
1	Adakah anda pernah mengunjungi industri batik di sekitar Bukit Payung Marang, Terengganu?		
2	Adakah anda mengetahui jenis-jenis batik?		
3	Adakah anda mengetahui bagaimanakah teknik penghasilan batik di sekitar Bukit Payung Marang, Terengganu?		

Rajah 3.5: Contoh borang soal selidik

Sumber: Kajian Lapangan

**BAHAGIAN C: PANDANGAN MENGENAI PEMULIHARAAN INDUSTRI BATIK DI
SEKITAR BUKIT PAYUNG, MARANG, TERENGGANU**

PILIH JAWAPAN ANDA BERDASARKAN SEKALA DIBAWAH:

1) Sangat tidak setuju
2) Tidak setuju
3) Setuju
4) Sangat setuju

No.	Pekara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1	Pemuliharaan industri batik penting untuk memartabatkan warisan negara				
2	Generasi muda haruslah diberi pendedahan mengenai pemuliharaan batik sejak usia awal lagi				
3	Industri batik hanyalah untuk orang yang berpengalaman sahaja				
4	Pelbagai program haruslah dilakukan untuk memperkenalkan industri batik				

Kerjasama dari pihak anda amat saya hargai.
Terima kasih diatas kerjasama yang anda berikan.

Rajah 3.6: Contoh borang soal selidik

Sumber: Kajian Lapangan

3.3.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder adalah sumber yang terdiri dari bahan ataupun dokumen yang dikaji melalui proses pembacaan bertulis mengenai maklumat yang telah dicatatkan di sesuatu tempat. Sebagai contoh seperti akhbar, laporan taunan jabatan, risalah, jurnal, majalah, ensiklopedia dan juga blog. Manakala, bagi sumber kedua pula melibatkan tafsiran, sintesis, analisis dan penilaian maklumat asal serta bahan yang telah diolah, dicetak untuk diberikan kepada orang ramai.

Antara ciri-ciri penting yang terdapat dalam sumber skunder ialah menyusun sumber primer ini dengan lebih kemas dan sistematik supaya senang untuk diakses. Sumber skunder juga merupakan ringkasan, komen, penilaian atau penyelidikan seseorang mengenai suatu perkara. Antara contoh sumber-sumber sekunder adalah seperti terbitan berkala, terbitan bersiri atau jurnal yang memberi laporan tentang perkembangan sumber primer.

3.3.2.1 kaedah perpustakaan

Kaedah pembacaan adalah satu kaedah pengumpulan maklumat melalui bahan bacaan ilmiah. Kaedah ini menggunakan sumber-sumber bertulis seperti artikel, jurnal, akhbar dan sebagainya sama ada melalui media bercetak ataupun media elektronik. Bagi mendapatkan maklumat mengenai industri batik, kaedah pembuatan batik dan tekniknya. Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah pembacaan iaitu penulisan yang berkaitan dengan batik di Malaysia di laman internet. Seterusnya, pengkaji juga telah melakukan kajian-kajian lepas atau membaca artikel yang berkaitan dengan kajian ini seperti artikel mengenai Permasalahan Dalam Pembangunan Industri Batik Di Terengganu yang ditulis Noor Haslina Mohamad Akhir dan juga jurnal yang bertajuk Batik luar boleh tenggelamkan batik Terengganu yang ditulis oleh Farah Shazwani. Secara tidak langsung, ia dapat memberi maklumat sedikit sebanyak kepada pengkaji mengenai industri pembuatan batik. Pengkaji juga dapat mengetahui teknik-teknik yang dilakukan dalam menghasilkan batik terutamanya teknik batik blok.

Selain itu, Kaedah perpustakaan ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan mengenai industri batik terutama dalam teknik dan kaedah pembuatannya. Maklumat atau data tambahan ini diperlukan bagi mengukuhkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Kajian perpustakaan ini sangat penting sebelum memulakan kajian dengan lebih terperinci. Pembacaan ini adalah untuk mendapatkan maklumat kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini dalam industri batik di Marang, Terengganu. Melalui kajian perpustakaan ini, ia dapat

membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih sahih dan benar mengenai kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu.

3.5 Rumusan Bab

Kesimpulannya, dalam penyelidikan yang akan dijalankan, terdapat tiga objektif yang akan dipenuhi antaranya untuk mengetahui jenis-jenis dari batik dan tekniknya, untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik serta untuk menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap industri batik. Skop kajian adalah berkaitan dengan industri batik yang berlokasi di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu. Objektif yang akan dijalankan adalah untuk mengetahui jenis-jenis dari batik dan tekniknya. Hal ini akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam menghasilkan batik terutama bagi penduduk yang tinggal di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu. Metodologi kajian yang akan digunakan adalah kajian lapangan, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, borang soal selidik serta kajian perpustakaan. Pendokumentasian yang dijalankan ini diharap akan menjadi rujukan sejarah warisan melayu kepada generasi-generasi akan datang supaya mereka dapat memelihara serta menjaga hak warisan tradisional yang tidak ternilai ini daripada terus pupus ditelan masa dan zaman.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pengkaji telah menjalankan kajian di tempat perindustrian batik di sekitar Bukit Payong, Marang iaitu Rosazlin Collection dengan menggunakan kaedah pemerhatian bagi objektif yang pertama iaitu untuk mengetahui jenis-jenis batik dan tekniknya. Pengkaji juga mendapat pengalaman baru dengan merasai pegalaman dan melihat sendiri jenis-jenis batik yang dihasilkan sebagai contoh, batik canting, batik blok dan juga batik skrin beserta teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan batik dengan kerjasama daripada pihak Rosazlin Collection. Bagi objektif yang kedua pula, pengkaji telah mengkaji beberapa kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan batik di sekitar Bukit Payong, Marang, Terengganu yang melibatkan golongan dewasa yang berumur 18 – 30 tahun agar batik tidak hilang ditelan zaman. Dan objektif yang terakhir pula, Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah pemerhatian, temu bual dan juga soal selidik. Pengkaji telah menyediakan borang soal selidik melalui google form dan dijawab oleh golongan dewasa yang berumur antara 18 – 30 tahun melalui aplikasi Whatsapp bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka mengenai industri batik serta kepentingannya kepada generasi masa kini.

4.2 Kaedah untuk mengenali jenis-jenis batik dan tekniknya.

Dalam bahagian ini pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai jenis-jenis batik beserta teknik penghasilannya. Perkara yang digariskan dalam proses ini adalah:

4.2.1 Kaedah untuk mengenali jenis-jenis batik

4.2.2 Kaedah untuk mengetahui teknik-teknik penghasilan batik

Hasil daripada penerangan pengusaha kilang batik Rosazlin Collection, ia menerangkan mengenai jenis-jenis batik beserta teknik penghasilan yang digunakan untuk menghasilkan batik mengambil masa yang agak lama berikutan kekurangan tenaga kerja dalam menghasilkan batik yang berkualiti.

4.2.1 Cara untuk mengenali jenis-jenis batik


Hasil daripada tinjauan pengkaji di kilang batik Rosazlin Collection, pengkaji dapat mengetahui jenis-jenis batik yang terdapat pada kilang batik berkenaan. Antaranya ialah batik canting, batik skrin dan batik yang popular di kawasan berkenaan ialah batik blok. Batik canting merupakan salah satu kraftangan yang paling popular di Malaysia. Batik jenis ini menggunakan kaedah canting atau melukis. Canting merupakan bekas tembaga yang digunakan untuk menakung lilin cair yang panas untuk melukis corak pada permukaan kain. Kebanyakan batik canting ini menggunakan corak yang bermotifkan bunga-bunga dan tidak menggunakan corak yang bermotifkan makhluk hidup. Hasil daripada corak juga adalah mengikut citarasa serta kreativiti tukang batik yang terdapat pada Rosazlin Collection. Menurut pengusaha Rosazlin Collection iaitu En. Rosli, bahawa batik canting kurang mendapat sambutan kerana penghasilannya yang memakan masa yang agak lama meskipun mempunyai kualiti yang tinggi.



Rajah 4.1: Contoh batik canting

Sumber: kajian lapangan

Seterusnya, antara jenis batik yang dihasilkan oleh Rosazlin Collection ialah Batik Blok. Batik blok banyak dihasilkan oleh Pengusaha Rosazlin Collection hal ini kerana proses untuk menghasilkan batik blok ini lebih mudah berbanding batik canting. Batik jenis dilakukan dengan saya terapan blok ukiran pada kain. Batik blok ini mempunyai corak pengulangan yang sama. Ia akan diterap oleh blok yang diperbuat daripada tembaga. Kegunaan batik blok ini adalah pada batik sarung atau untuk pakaian seragam.



Rajah 4.2: Contoh batik blok

Sumber: Kajian Lapangan

Dan jenis batik yang terakhir ialah batik skrin. Ia dihasilkan di Rosazlin Collection menggunakan teknik atau kaedah melakar corak. Corak rekaan pada

batik akan dibentuk diatas skrin yang diperbuat dari polyester. Batik skrin ini juga menggunakan Warna-warna yang berbeza yang akan diterapkan pada kain dengan menggunakan sekuji. Penghasilan batik ini lebih mudah dan kerana menghasilkan batik yang banyak dengan motif corak yang sama.



Rajah 4.3: Contoh batik skrin

Sumber: Kajian Lapangan

4.2.2 Cara untuk mengetahui teknik-teknik penghasilan batik

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai teknik atau kaedah yang dilakukan untuk menghasilkan batik yang berkualiti yang terdapat pada kilang batik Rosazlin Collection, bermula daripada batik canting sehinggalah batik skrin.

i. Batik Canting



Rajah 4.4: Melakar corak pada kain menggunakan pensil.

Sumber: Kajian Lapangan

Corak batik akan dilukis diatas kain putih yang telah diregangkan pada susunan paku yang terdapat pada alat pemedang ataupun meja terap dengan menggunakan pensil. Pada kebiasaannya, motif dan juga corak yang dilukis pada kain batik adalah berasaskan corak flora dan organik seperti bunga dan daun.



Rajah 4.5: tukang batik melakar corak flora menggunakan canting

Sumber: Kajian Lapangan

Tukang batik telah menggunakan canting yang telah diisi dengan campuran lilin untuk menghasilkan corak pada kain yang telah dilakar dengan motif dan corak flora. Lakaran lilin ini dilakukan untuk menghalang bahan pewarna daripada bercampur dan meresap masuk ke bahagian lain. Lilin yang digunakan untuk mencanting haruslah tidak terlalu panas untuk mengelakkan garisan lilin daripada kembang dan lilin juga akan dituang ke dalam bekas lilin sebelum lilin tersebut sejuk dan mengeras.



Rajah 4.6: Mewarnakan corak menggunakan pewarna batik

Sumber: Kajian Lapangan

Pembuat batik akan memilih warna yang kemudiannya dibancuh di dalam bekas yang berlainan agar tidak berlaku pencampuran warna pada kain batik tersebut. Pembuat batik akan akan mewarnakan corak dipilih dengan menggunakan pewarna batik. Proses mewarna batik ini memainkan peranan yang penting kerana ia yang akan menghasilkan batik yang cantik dan indah.



Rajah 4.7: Sodium silicate

Sumber: Kajian Lapangan

Seterusnya, penggunaan Sodium silicate telah digunakan untuk mematkan warna. Penggunaanya adalah untuk memastikan warna pada kain batik tidak akan luntur apabila dibasuh. Kain batik akan direndam selama empat jam dalam bahan tersebut.



Rajah 4.8: Kain batik akan direbus

Sumber: Kajian Lapangan

Kain batik yang telah direndam dalam sodium silicate pula, akan direbus menggunakan air campuran soda ash untuk menghilangkan lapisan lilin sehingga corak pada kain batik tersebut terlihat jelas. Dan kain batik yang siap direndam akan dibilas berulang kali sehingga bersih daripada bekas lilin.



Rajah 4.9: Kain batik dijemur

Sumber: Kajian Lapangan

Kain batik ini akan dijemur ditempat yang bersuhu rendah dan sederhana. Hal ini dikatakan kerana dapat meningkatkan kualiti dan keaslian corak batik tersebut.

ii. Batik Blok



Rajah 4.10: Blok tembaga berbentuk bunga

Sumber: Kajian Lapangan

Pembuat batik telah menggunakan blok tembaga yang berukir dengan gaya ukiran timbul yang digunakan untuk mengecap. Pembuat batik blok akan menggunakan tiga blok batik yang berbeza. Corak dan motif batik blok akan lebih rumit tetapi akan memperoleh hasil yang sempurna.



Rajah 4.11: Proses memanaskan campuran lilin damar

Sumber: Kajian Lapangan

Pembuat batik sedang menunggu bahan campuran lilin damar dipanaskan di dalam kuali. Apabila campuran lilin panas, permukaan blok akan dicelup kedalam lilin cair tersebut.



Rajah 4.12: Cara memblok batik

Sumber: Kajian Lapangan

Permukaan blok yang dicelup lilin cair akan diterapkan pada permukaan kain mengikut susunan pola atau motif dengan teliti. Teknik penghasilan batik blok pula ialah batik blok ini penggunaan ukiran blok merupakan alatan yang paling penting.



Rajah 4.13: Kain batik akan dicelup kedalam pewarna

Sumber: Kajian Lapangan

Kain batik yang telah siap dicap akan dimasukkan kedalam bekas yang mengandungi bahan pewarna. Proses menerap dan mencelup warna telah dilakukan berulang kali dengan blok dan menggunakan warna yang berbeza untuk menghasilkan kain batik yang menarik dan beraneka warna.



Rajah 4.14: Kain batik akan direbus melalui campuran soda ash

Sumber: Kajian Lapangan

, Kemudian kain batik ini akan direbus dengan menggunakan air yang dicampur soda ash, Hal ini adalah untuk menghilangkan kesan-kesan lilin pada kain batik tersebut.



Rajah 4.15: tempat membasuh kain batik

Sumber: Kajian Lapangan

Kain batik yang telah direbus dengan campuran soda ash akan dibasuh didalam bekas air bersih berulang kali bagi memastikan lilin yang terdapat pada kain batik tertanggal.




Rajah 4.16: Kain batik dijemur

Sumber: Kajian Lapangan

Dan akhir sekali, Kain batik yang siap dibasuh akan dijemur hingga kering ditempat yang bersuhu rendah dan teduh. Hal ini bagi memastikan kualiti corak pada kain batik tersebut tahan lama.

iii. Batik Skrin



Rajah 4.17: Skrin ditekup diatas kain putih

Sumber: Kajian Lapangan

Langkah yang pertama, Kain putih akan dihamparkan atas meja yang bersaiz besar dan rata agar dapat memudahkan proses untuk membuat batik skrin.



Rajah 4.18: Proses pewarnaan menggunakan sekuji

Sumber: Kajian Lapangan

Skrin akan diletakkan diatas kain putih untuk menghasilkan corak. Ketika melakukan kerja ini, khidmat dua orang pekerja diperlukan untuk menarik sekuji agar lilin menjadi rata. Proses ini haruslah dilakukan berulang kali sebanyak 6 kali dan dijemur seketika.



Rajah 4.19: Kain batik dibasuh

Sumber: Kajian Lapangan

Setelah dijemur, kain batik ini akan dibasuh menggunakan air suam yang telah bercampur bio-soft untuk melembutkan kain batik tersebut disamping untuk menanggalkan sisa-sisa bahan pewarna pada kain tersebut.



Rajah 4.20: Kain batik dijemur

Sumber: Kajian Lapangan

Kemudian, proses yang terakhir adalah kain batik yang siap dibasuh akan dijemur sehingga kering.

4.3 Kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan batik.

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan bagaimana kaedah yang dilakukan oleh Rosazlin Collection dalam memulihara batik. Pada bahagian awal ini pengkaji akan menerangkan mengenai bahan-bahan yang digunakan untuk memulihara batik. Seterusnya, pengkaji juga akan menerangkan kaedah-kaedah yang dilakukan untuk memulihara batik. Memandangkan faktor pandemik covid 19, Pengkaji tidak melakukan kajian mengenai kaedah pemuliharaan batik di Rosazlin Collection secara langsung kerana ia sudah tidak beroperasi mulai April 2021 lagi, Jadi pengkaji telah berhubung dengan pengusaha Rosazlin Collection berkenaan untuk mendapatkan laporan dan maklumat sedikit sebanyak ditambah dengan sumber rujukan daripada laman sesawang.

4.3.1 Kaedah pemuliharaan batik

I. Kain batik dibasuh menggunakan cucian tangan. Menurut pemilik Rosazlin Collection, kain batik yang tahan lama adalah kain batik yang dibasuh menggunakan cucian tangan. Bahan pencuci yang digunakan haruslah yang lembut kerana kain batik tidak sesuai dibasuh menggunakan mesin.



Rajah 4.21: Proses mencuci batik

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 4.18: Batik akan dibasuh dengan pencuci lembut menggunakan tangan

II. Kaedah yang kedua ialah kain batik haruslah dijemur dibawah suhu yang sederhana panas. Seperti yang dilakukan oleh Rosazlin Collection, mereka telah menjemur kain-kain batik yang telah siap dibawah tempat teduh yang terbuka. Hal ini dikatakan kerana, ia dapat mengekalkan kualiti warna pada kain batik tersebut berbanding menjemur di cuaca matahari terik kerana ia akan memudahkan warna.



Rajah 4.21: Kain batik dijemur dibawah suhu sederhana

Sumber: Kajian Lapangan

III. Kaedah yang seterusnya ialah simpan ditempat yang sesuai. Penyimpanan batik yang dihasilkan oleh Rosazlin Collection ini telah disimpan ditempat yang bersuhu kering dengan dilapisi kain atau kertas satu per satu dengan suhu bawah 25 darjah Celsius. Kerana apabila disimpan dalam keadaan yang lembab, ia akan menarik serangga untuk datang dan merosakan kain batik tersebut.




Rajah 4.22: Kain batik akan disimpan ditempat yang kering

Sumber: Kajian Lapangan

4.4 Menganalisis tahap pengetahuan generasi muda pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya


Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan mengenai data hasil daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh golongan dewasa yang berumur 18 tahun sehingga 30 tahun di mengenai tahap pengetahuan dan kepentingan batik di sekitar Bukit Payung, Marang, Terengganu. Hasil daripada kajian, seramai 32 orang golongan dewasa yang telah menjawab borang soal selidik ini.

4.4.1 Mengetahui tahap pengetahuan generasi muda terhadap industri batik



Rajah 4.23: Jantina


Berdasarkan hasil kajian daripada 32 orang responden yang telah menjawab borang soal selidik, Seramai 20 orang responden dengan kadar peratusan sebanyak 62.5% merupakan mereka yang terdiri daripada perempuan. Manakala, bagi responden lelaki pula, telah mencatatkan kadar peratusan sebanyak 37.5% dengan jumlah responden seramai 12 orang.



Rajah 4.24: Umur


Rajah 4.2 menunjukkan data bagi umur responden antara 18 tahun hingga 30 tahun. Responden yang berumur 21 tahun hingga 25 tahun telah terdiri daripada 22 orang yang mencatat peratusan sebanyak 68.8%. Manakala, bagi responden yang berumur antara 18 tahun hingga 20 tahun telah mencatat 7 orang responden dengan kadar peratusan sebanyak 21.9% berbanding golongan dewasa yang berumur 25

hingga 30 tahun yang hanya mencatat 3 orang responden dengan peratusan sebanyak 9.4%.




Rajah 4.25: Bangsa

Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji, seramai 32 orang responden yang telah menjawab borang soal selidik merupakan mereka yang berbangsa melayu dengan peratusan sebanyak 100%. Hal ini kerana kebanyakan golongan yang menetap di sekitar Bukit Payong, Marang, Terengganu merupakan mereka yang berbangsa melayu sahaja.



Rajah 4.25: Tahap pengetahuan

Hasil daripada kajian tahap pengetahuan industri batik mengenai kunjungan responden terhadap industri batik di sekitar Bukit Payong, Marang, Terengganu menunjukkan separuh daripada responden tidak pernah berkunjung ke tempat pembuatan batik iaitu seramai 21 orang dengan peratusan sebanyak 65.5%. Manakala, bilangan responden yang pernah mengunjungi industri batik di sekitar Bukit Payong, Marang, Terengganu adalah seramai 11 orang responden dengan 34.4% kadar peratusan.




Rajah 4.26 : Jenis-jenis batik

Rajah 4.5 menunjukkan hasil kajian terhadap pengetahuan golongan dewasa mengenai jenis-jenis batik yang terdapat di sekitar Bukit Payong, Marang, Terengganu. Dari pada 32 orang responden, terdapat seramai 19 orang responden dengan kadar peratusan 59.4% yang mengetahui mengenai jenis-jenis batik berbanding 13 orang responden yang mencatatkan 40.6% yang tidak mengetahui jenis-jenis batik yang terdapat di Bukit Payong.




Rajah 4.27: Teknik penghasilan batik

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, daripada 32 orang responden yang disoal selidik, seramai 24 orang responden yang mencatat kadar peratusan sebanyak 75% yang tidak mengetahui teknik-teknik penghasilan batik. Manakala, seramai 8 orang responden dengan kadar peratusan 25% golongan dewasa di Bukit Payong mengetahui teknik yang dilakukan dalam menghasilkan batik.




Rajah 4.28: Kepentingan batik

Berdasarkan pernyataan pada rajah 4.7 iaitu pemuliharaan industri batik penting untuk memartabatkan warisan negara, telah mencatatkan seramai 19 orang responden dengan kadar peratusan 59.4% sangat setuju. Seterusnya, mereka yang bersetuju telah mencatat seramai 11 orang responden mewakili 34.5% dan jumlah sangat tidak setuju mencatat 2 orang responden.



Rajah 4.29: Kepentingan batik


Berdasarkan hasil kajian pada rajah 4.8 mengenai pernyataan generasi muda haruslah diberi pendedahan mengenai industri batik sejak usia awal lagi telah mencatatkan seramai 15 orang responden sangat setuju dengan peratusan sebanyak 46.9%. Manakala, bagi setuju pula, jumlah responden telah mencatatkan sebanyak 16 orang dengan kadar peratusan sebanyak 50%. Bagi tidak setuju pula, telah mencatatkan 1 orang responden.



Rajah 4.30: Kepentingan batik

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan untuk kepentingan batik mengenai pernyataan industri batik hanyalah untuk orang yang berpengalaman sahaja telah mencatatkan responden seramai 19 orang bagi mereka yang tidak bersetuju dengan

kadar peratusan sebanyak 59.4%. Selain itu, bagi mereka yang sangat tidak setuju telah mencatatkan kadar peratusan sebanyak 31.3% dengan jumlah responden seramai 10 orang. Manakala, bagi mereka yang bersetuju pula telah mencatatkan 3 orang responden daripada 32 orang responden dengan kadar peratusan sebanyak 9.4%.



Rajah 4.31: Kepentingan batik

Berdasarkan hasil kajian daripada 32 orang responden mengenai pernyataan pelbagai program haruslah dilakukan untuk memperkenalkan industri batik pula telah mencatatkan seramai 20 orang responden sangat setuju dengan kadar peratusan sebanyak 62.5%. Manakala, bagi mereka yang bersetuju pula telah mencatatkan kadar peratusan yang berjumlah 34.4% dengan jumlah responden seramai 11 orang. Bagi sangat tidak setuju pula telah mencatatkan seorang responden.

4.5 Rumusan bab

Secara rumusnya, objektif yang telah dijalankan oleh pengkaji telah tercapai walaupun terdapat beberapa halangan semasa menjalankannya. Kajian terhadap objektif pertama telah berjaya dijalankan iaitu untuk mengetahui jenis-jenis batik

dan tekniknya, pengkaji telah merasai pengalaman dengan melihat sendiri jenis-jenis batik dan teknik penghasilannya di Rosazlin Collection. Bagi objektif yang kedua pula, iaitu mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan batik telah menghadapi batasan untuk mengunjungi Rosazlin batik berkenaan akibat faktor pandemik covid-19 yang menyebabkan pihak Rosazlin Collection terpaksa ditutup. Namun, pengkaji telah mencari idea atau inisiatif yang lain untuk mencapai objektif tersebut dengan mendapatkan beberapa maklumat melalui pengusaha batik itu sendiri dengan cara perbualan atas talian, disamping pengkaji turut melakukan beberapa pencarian mengenai kajian terdahulu di laman sesawang. Dan bagi objektif yang ketiga juga telah berjaya diselesaikan iaitu menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya. Dimana seramai 32 orang golongan dewasa telah menjawab borang soal selidik melalui atas talian daripada aplikasi Whatsapp.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini pengkaji akan menghuraikan rumusan kajian secara keseluruhan dan menunjukkan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan pada kemudian hari berhubung dengan hasil kajian. Kajian ini memfokuskan mengenai kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan tiga objektif iaitu untuk mengetahui jenis-jenis batik dan tekniknya, untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik serta menganalisis tahap pengetahuan generasi pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya. Walaupun telah berlaku pandemik covid-19, ia tidak menjadi penghalang untuk pengkaji mencapai dua daripada tiga objektif kajian seperti yang terdapat pada bab 4.

Hasil kajian bagi objektif pertama, pengkaji telah mengetahui jenis-jenis batik dan tekniknya. Melalui tinjauan pengkaji di kilang batik Rosazlin Collection, pengkaji dapat mengetahui jenis-jenis batik yang terdapat pada kilang batik berkenaan. Antaranya ialah batik canting, batik skrin dan juga batik blok. Bagi mengetahui teknik-teknik penghasilan batik yang telah dihasilkan oleh kilang Rosazlin Collection, pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap cara pembuatannya iaitu batik canting telah menggunakan kaedah canting atau melukis. Batik canting dihasilkan melalui bekas tembaga yang digunakan untuk menakung

lilin cair yang panas untuk melukis corak pada permukaan kain. Bagi batik blok pula, proses penghasilannya adalah berlainan iaitu melalui kaedah memblok menggunakan besi blok yang telah dicelup menggunakan lilin sebelum ditekap ke atas kain dan proses penghasilan batik yang terakhir adalah batik skrin. Proses pembuatannya sedikit berlainan iaitu dengan batik skrin akan diletakkan diatas kain putih untuk menghasilkan corak dan ketika melakukan kerja ini, khidmat dua orang pekerja diperlukan untuk menarik sekuji agar lilin menjadi rata. Proses ini haruslah dilakukan sebanyak 6 kali. Kemudiannya ketiga-tiga jenis batik yang siap diproses ini akan dijemur seketika sehingga kering.

Seterusnya, bagi objektif yang kedua pula, pengkaji telah mengenalpasti kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan batik. Pengkaji dapat menerangkan bagaimana kaedah yang dilakukan oleh Rosazlin Collection dalam memelihara batik. Pengkaji dapat mengetahui bahan-bahan yang digunakan untuk memelihara batik agar tahan lama dan kaedah yang dilakukan dalam pemeliharaan batik oleh Rosazlin Collection. Kaedah yang pertama dengan membasuh kain batik menggunakan cucian tangan. Bahan pencuci yang digunakan haruslah yang lembut. Selain itu, Pihak Rosazlin Collection juga telah menjemur kain-kain batik yang telah siap di bawah tempat teduh yang terbuka. Dan yang terakhir adalah koleksi yang dihasilkan oleh Rosazlin Collection ini telah disimpan ditempat yang bersuhu kering dengan dilapisi kain atau kertas satu per satu dengan suhu bawah 25 darjah Celsius.

Memandangkan faktor pandemik covid-19, Pengkaji tidak dapat melakukan kajian mengenai kaedah pemeliharaan batik di Rosazlin Collection secara langsung kerana ia sudah tidak beroperasi mulai April 2021 lagi dan dibuka waktu tertentu, Jadi pengkaji telah berhubung dengan pengusaha Rosazlin Collection berkenaan

kaedah pemuliharaan batik bagi mendapatkan laporan dan maklumat sedikit sebanyak ditambah dengan sumber rujukan daripada laman sesawang. Berdasarkan objektif yang ketiga iaitu menganalisis tahap pengetahuan generasi muda pada hari ini terhadap batik dan kepentingannya. Analisis kajian golongan yang telah menjawab soal selidik ini terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berumur antara 21 hingga 25 tahun. Berdasarkan hasil kajian juga mendapati majoriti responden adalah berbangsa melayu kerana tinggal di kawasan pekan. Bagi pengetahuan mengenai industri batik pula, mendapati 65% majoriti penduduk bukit payong tidak pernah berkunjung ke kilang batik Rosazlin Collection. Hal ini adalah kerana rata-rata masyarakat yang tinggal di kawasan ini tidak berminat untuk mengunjungi kilang batik tersebut . Oleh itu, kebanyakan masyarakat yang tinggal di kawasan Bukit Payung itu kurang mengetahui bagaimana proses pemuliharaan batik kerana kurang terdedah dengan pekara tersebut.

Seterusnya, daripada hasil soal selidik yang telah diedarkan melalui laman sesawang menunjukkan hanya separuh golongan dewasa yang mengenali jenis-jenis batik, hal ini adalah kerana mereka kurang berminat untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai batik terutamanya golongan muda. Hal ini disebabkan oleh mereka kurang diberi pendedahan semasa bersekolah yang menyebabkan mereka kurang untuk mengambil tahu mengenai jenis-jenis batik. Selain itu, Hasil kajian juga mendapati bahawa Sebanyak 59.4% penduduk Bukit Payung tidak mengetahui teknik-teknik penghasilan batik. Hal ini dikatakan kerana, mereka ini tidak tertarik dengan penghasilan batik yang dikatakan rumit dan golongan masyarakat lebih gemar membeli yang sudah siap tersedia. Berdasarkan hasil kajian juga mendapati bahawa 59.4% sangat setuju mengenai kepentingan pemuliharaan industri batik amat penting untuk memartabatkan warisan negara hal ini dikatakan

kerana dapat memberi pendedahan kepada generasi akan datang betapa berharganya warisan batik dan secara tidak langsung akan mengekalkan warisan agar tidak pupus ditelan zaman.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah dilaksanakan dengan baik mengikut objektif yang ditetapkan. Pengkaji juga telah menggunakan beberapa inisiatif lain seperti mendapatkan info dari laman sesawang dan berhubung dalam talian bagi mencapai objektif tersebut. Kepelbagaian kaedah kajian membolehkan pengkaji mengetahui sumber-sumber yang boleh digunakan bagi memperolehi maklumat mengenai pemuliharaan industri batik dan kepentingannya kepada generasi masa kini. Hasil kajian ini membolehkan isu dan persoalan yang dinyatakan dalam bab satu dapat diselesaikan dengan baik.

5.3 Cadangan kajian

Seperti yang dinyatakan dalam permasalahan kajian, golongan dewasa yang berumur 18 hingga 30 tahun di sekitar Bukit Payong Marang, Terengganu tidak berminat untuk melibatkan diri dalam mengusahakan industri batik. Hanya sebahagian kecil dari mereka sahaja yang melibatkan diri dalam industri batik. Begitu juga dengan kurangnya ilmu pengetahuan mengenai cara pemeliharaan Industri batik, Walaupun Negeri Terengganu agak terkenal oleh keunikan batiknya. Pemuliharaan industri batik juga dianggap tidak penting oleh golongan dewasa di sekitar Bukit Payong Marang Terengganu. Disini terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji untuk pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini.

5.3.1 Mengadakan pameran untuk memperkenalkan seni batik.

Pihak Rosazlin Collection haruslah mengadakan aktiviti untuk memperkenalkan seni batik kepada masyarakat sekitarnya. Sebagai contoh, mengadakan pameran secara terbuka pada kilang batik berkenaan untuk memperkenalkan Jenis-jenis batik juga dan juga teknik pembuatannya. Pihak Rosazlin Collection haruslah mengadakan pameran untuk jenis-jenis kain batik seperti batik canting, batik blok dan juga batik skrin pada satu ruang khas untuk menunjukkan kepada masyarakat sekitar terutama generasi muda mengenai perbezaan diantara ketiga-tiga kain batik berkenaan. Seterusnya, mengadakan aktiviti seperti teknik penghasilan batik. Pengunjung boleh cuba untuk mempelajari teknik penghasilan batik sendiri dengan panduan pekerja kilang batik berkenaan. Hal ini secara tidak langsung, dapat menarik masyarakat terutama golongan muda untuk melibatkan diri dalam industri batik dan akan melahirkan ramai pengusaha industri batik yang lebih berpengalaman.

5.3.2 Mengadakan promosi dan pemasaran yang efektif.

Pengusaha-pengusaha batik haruslah memainkan peranan yang penting dengan mengadakan program promosi pemasaran yang efektif. Sebagai contoh, pengusaha batik perlulah mewujudkan kesepakatan dan kerjasama dengan agensi kerajaan untuk mempromosikan batik dimata masyarakat terutamanya generasi muda sekarang. Kesepakatan dan kerjasama yang baik antara pengusaha batik dan agensi kerajaan dan bukti kerajaan dapat menghasilkan idea dan produk yang berkualiti dan bervariasi yang dapat memenuhi dasar kerajaan dan aspirasi rakyat. Sebagai contoh, pengusaha-pengusaha batik boleh mewujudkan institut latihan batik bagi melatih tenaga-tenaga mahir dari golongan muda. Hal ini secara tidak

langsung, dapat memartabatkan lagi industri batik di negara kita serta akan menghasilkan kain batik yang berkualiti tinggi di negara kita.

5.4 Penutup

Sebagai penutupnya, diharap kajian ini dapat memberi pengetahuan serta manfaat kepada masyarakat terutamanya generasi muda serta kepada mereka yang akan menjalankan kajian mengenai industri batik pada masa akan datang. Melalui pengkajian ini, pengkaji dapat memberi pendedahan yang mudah dan jelas kepada pembaca mengenai kajian terhadap pemuliharaan batik dan kepentingannya pada generasi masa kini. Selain itu, melalui pengkajian ini juga, dapat menunjukkan bagaimana teknik serta kaedah yang digunakan untuk menghasilkan batik yang berkualiti. ia secara tidak langsung akan didedahkan secara meluas agar bidang ini boleh dijadikan sebagai tajuk kajian pada masa akan datang.

RUJUKAN

Artikel Jurnal

Noor Haslina Mohamad Akhir. Normaz Wana Ismail (2015) *Permasalahan Dalam Pembangunan Industri Batik Di Terengganu*, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu
https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2015/PERKEM_2015_3A2.pdf

Siti Aisyah Amilin binti Hassan. Muammar Ghaddafi bin Hanafiah (Jun 2018) *Teknologi Pemprosesan Batik Melayu di Kelantan, Persuratan Melayu Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/153/104>

Zamrudin Abdullah, Sabzali Musa Khan, Siti Rohaya Yahaya, Mohammad Radzi Manap (19 Disember 2019) *ciri-ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik kontemporari berinspirasi motif abstrak*, *Jurnal Pengajian Melayu*
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/21232>

Akhbar

Halina Mohd Noor; Nor Hatina Shuib dan Hanneeyzah Bariah Baharin –
(Mac 12, 2019) Industri batik tempatan 'dibunuh'

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/539919/industri-batik-tempatan-dibunuh>

IntanMas Ayu Shahimi. Sabtu, (14 November 2020) Yakin potensi batik
Malaysia imas@hmetro.com.my.

Borneo Today. (11 april 2020) *Berkat ilmu canting batik kelantan,
terengganu, rothman kini pengusaha batik terbesar sabah*

<https://www.borneotoday.net/berkat-ilmu-canting-batik-kelantan-terengganu-rothman-kini-pengusaha-batik-terbesar-sabah/>

FARAH SHAZWANI (11 Jun 2019). *Sinar harian, Batik luar boleh
tenggelamkan batik Terengganu*

<https://www.sinarharian.com.my/article/31923/EDISI/Terengganu/Batik-luar-boleh-tenggelamkan-batik-Terengganu>

Internet

1. Marang(daerah). *Ensklopedia Terengganu, Ganupedia*. Dicapai daripada
<https://ganupedia.com/2017/05/marang-daerah/>
2. Majlis Daerah Marang. Rabu. (20 januari 2021) di capai daripada
<http://www.mdmarang.gov.my/ms/pelawat/info-marang>

3. *Jabatan Muzium Malaysia* (2016). *Konservasi*. Dicapai pada 10 Jun 2020 daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>
4. Izaak Walton, (Ogos 9) *Batik Malaysia, Teknik Batik Skrin Malaysia*. (2018) <https://hafizulasyrafblack.wordpress.com/teknik-batik-skrin/>
5. *Peta negeri Terengganu, Pengenalan morfologi*, MARCH 23, 2015 <https://dibahzattyintan1415.wordpress.com/2015/03/23/pengenalan-morfologi/>
6. Afiq Mubasyeir Amran, *Pengertian Generasi Muda*, <https://www.scribd.com/doc/154262811/Pengertian-Generasi-Muda>
7. Emma sahira,(2015) *Cara-cara membuat batik skrin* <http://emmasahira57.blogspot.com/2016/04/cara-cara-membuat-batik-skrin.html>
8. Fazil'store *Seni Visual*, (February 12, 2011) *teknik dan proses batik*, <http://secretofart.blogspot.com/2011/02/jenis-kain-batik.html>